

## METODOLOGI KRITIK MATAN DALAM ‘ILAL AL-HADĪTH DAN MUKHTALIF AL-HADĪTH: SATU KAJIAN PERBANDINGAN

### The Methodology Of Matn Criticism In ‘*ilal al-Hadīth* And *Mukhtalif Al-Hadīth*: A Comparative Study

<sup>i\*</sup>Dzulfaidhi Hakimie Bin Dzulraidi

<sup>i</sup>Calon PhD, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia, [dzuldzuraidi@gmail.com](mailto:dzuldzuraidi@gmail.com).

\*(Corresponding author) e-mail: [dzuldzuraidi@gmail.com](mailto:dzuldzuraidi@gmail.com)

#### ABSTRAK

Kritik matan merupakan elemen penting dalam ilmu hadith yang digunakan untuk menilai kesahihan kandungan teks hadith. Walaupun disiplin ini sering dikaitkan dengan *mukhtalif al-hadīth*, yang berfokus kepada penyelarasan hadith-hadith yang tampak bertentangan, ia juga mempunyai peranan signifikan dalam ‘*ilal al-hadīth*’, yang bertujuan untuk mengenal pasti kecacatan tersembunyi dalam hadith. Namun, terdapat salah tanggapan yang meluas di kalangan sarjana dan pelajar hadith yang menggabungkan metodologi kritik matan dalam kedua-dua bidang ilmu sehingga menimbulkan kekeliruan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk membandingkan metodologi kritik matan dalam ‘*ilal al-hadīth*’ dan *mukhtalif al-hadīth*, dengan fokus kepada perbezaan yang wujud antara kedua-dua disiplin ini. Pendekatan kualitatif digunakan dalam kajian ini, di mana analisis dokumentasi dan analisis kandungan menjadi kaedah utama untuk mengumpul dan menganalisis data. Kajian ini menganalisis beberapa asas perbincangan dalam kedua-dua bidang ilmu. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat variasi penting yang mencerminkan perbezaan dalam tujuan dan aplikasi kritik matan dalam setiap disiplin. Kajian ini menyumbang kepada peningkatan kefahaman terhadap peranan kritik matan dalam ilmu hadith dan menekankan kepentingan memahami perbezaan metodologi ini dalam konteks hadith secara menyeluruh. Kajian lanjutan dicadangkan untuk meneroka aplikasi kritik matan dalam konteks kedua-dua disiplin bagi memperkayakan lagi wacana hadith dalam bidang ini.

**Kata Kunci:** *Kritik matan; mukhtalif al-hadīth; ‘ilal al-hadīth; hadith; wacana hadith*

## ABSTRACT

Matn criticism is a crucial element in hadith studies used to evaluate the authenticity of the content of hadith texts. Although this discipline is often associated with *mukhtalif al-hadīth*, which focuses on reconciling seemingly contradictory hadiths, it also plays a significant role in *'ilal al-hadīth*, which aims to identify hidden defects within hadiths. However, there is a widespread misconception among scholars and students of hadith that combines the methodology of matn criticism in both fields, resulting in confusion. Therefore, this study aims to compare the methodology of matn criticism in *'ilal al-hadīth* and *mukhtalif al-hadīth*, with a focus on the differences between these two disciplines. A qualitative approach was used in this study, where document analysis and content analysis were the primary methods for collecting and analyzing data. The study examines several fundamental discussions in both fields of knowledge. The results show that, although there are important variations reflecting the different objectives and applications of matn criticism in each discipline, these distinctions are crucial. This study contributes to a deeper understanding of the role of matn criticism in hadith studies and emphasizes the importance of understanding these methodological differences within the broader context of hadith. Further research is recommended to explore the application of matn criticism in the context of both disciplines to enrich academic discourse in this field.

**Keywords:** *Matn criticism; mukhtalif al-hadīth; 'ilal al-hadīth; hadiths; hadith studies.*

## PENDAHULUAN

Ilmu hadith merupakan salah satu disiplin terpenting dalam kajian Islam yang bertujuan untuk memastikan keaslian dan kesahihan sumber-sumber agama<sup>1</sup>. Ulama hadith telah mengembangkan pelbagai metodologi dan disiplin dalam menjaga keaslian riwayat hadith<sup>2</sup>. Salah satu elemen utama dalam ilmu hadith

<sup>1</sup> Arif Yahya, “Sumbangan Ahl al-Hadith dan Peranannya dalam Membangun Ketamadunan Islam”, *Journal of Hadith Studies* (2016): 2.

<sup>2</sup> Fauzi Deraman, “Metodologi Muhadithin” dalam Ishak Suliaman et.al., *Autoriti Hadis: Menangani Gerakan Anti Hadis*, cet. ke-3 (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya).

ialah kritik matan, yang berfungsi untuk menilai kandungan teks hadith bagi memastikan ia bebas daripada kecacatan atau kejanggalan yang boleh menjelaskan kesahihannya serta pengamalannya<sup>3</sup>. Meskipun kritik matan sering kali dikaitkan dengan *mukhtalif al-hadīth* iaitu suatu disiplin ilmu hadith yang memfokuskan kepada penyelarasan hadith-hadith yang kelihatannya bertentangan<sup>4</sup>, namun sebenarnya, kritik matan mempunyai skop yang lebih luas. Ia juga dipraktikkan dalam *'ilal al-hadīth*, iaitu bidang kajian yang mendalam kecacatan tersembunyi dalam hadith, sama ada dari segi sanad maupun matan<sup>5</sup>.

Namun demikian, terdapat salah faham dalam kalangan para sarjana yang cenderung menggabungkan metodologi kedua-dua bidang ilmu ini di bawah konsep kritik matan, walaupun hakikatnya pendekatan yang diambil adalah berbeza. Sebagai contoh, Said Aqil Husen al-Munawar dalam kajiannya Metode Kritik Matan Hadis Menurut Pandangan Muhadditsin Mutaqaddimin telah menyenaraikan metode kritik matan dalam kalangan ulama hadith silam<sup>6</sup>. Namun, beliau telah menggabungkan metode daripada *'ilal al-hadīth*, seperti membandingkan beberapa riwayat hadith (*muqāranah al-marwiyyāt*) dan membandingkan hadith dengan informasi sejarah, dengan metode daripada *mukhtalif al-hadīth*, seperti membandingkan antara dua hadith yang tampak berbeza. Penggabungan ini mengaburkan perbezaan antara dua disiplin yang sebenarnya mempunyai tujuan dan kaedah yang tersendiri. Beliau juga telah menyatakan bahawa metodologi para muhaddithīn mutaqaddimīn dalam membandingkan hadith adalah *al-jam'u* tanpa membezakan antara bidang *'ilal al-hadīth* dan *mukhtalif al-hadīth*. Hal ini berikutan metodologi yang digunakan dalam kedua-dua bidang ini berbeza, justeru akan dibahaskan dalam dapatan dan

<sup>3</sup> Suryadi Suryadi, “Rekonstruksi Kritik Sanad Dan Matan Dalam Studi Hadis,” *Esensia: Jurnal Ilmu-Ilmu Ushuluddin* 16, no. 2 (2015): 177–86, <https://doi.org/10.14421/esensia.v16i2.996>.

<sup>4</sup> Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, *Tadrib al-Rawiy fi Sharḥ Taqrīb al-Nawawiy*, cet. ke-2 (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1979).

<sup>5</sup> Muhammad Ajjāj al-Khatib, *al-Sunnah Qabla al-Tadwīn* (Kaherah: ‘Ābidīn: Maktabah Wahbah, 1988).

<sup>6</sup> Said Aqil Husen al-Munawar, “Metode Kritik Matan Hadis Menurut Pandangan Muhadditsin Mutaqaddimin,” *Ushuluna: Jurnal Ilmu Ushuluddin* 2, no. 1 (2016).

perbincangan kajian<sup>7</sup>. Artikel beliau sendiri telah dinukil dan dijadikan asas rujukan dalam beberapa kajian lain<sup>8</sup>.

Dalam masa yang sama, kajian-kajian lepas yang menjelaskan perbezaan metodologi kritik matan dalam kedua bidang ilmu ini dilihat masih kurang diekplorasi. Hal ini demikian apabila carian dilakukan pada pengkalan data *Google Scholar* daripada tahun 2016 sehingga 2023, kesemua kajian lepas dilihat menyentuh dari perspektif isu dan metodologi kritik matan secara umum atau tokoh tertentu semata-mata. Rujuk jadual di bawah:

Jadual 1: Rumusan Literatur Tema Kritik Matan

No.	Tajuk	Penulis	Tahun	Objektif Kajian
1.	Metode Kritik Matan Hadis Prespektif Masrukhan Mukhsin <sup>9</sup>	Hilda Husaini Rusdi	2023	Membahaskan mengenai metodologi kritik matan yang sesuai untuk membuktikan kesahkan teks hadith
2.	Studi Kritik Matan Hadits <sup>10</sup>	Aulia Diana Devi	2020	Membincangkan mengenai metodologi kritik matan hadith dengan analisis historik.

<sup>7</sup> Metodologi ilmu secara umumnya merujuk kepada asas-asas kaedah yang digunakan dalam bidang ilmu tersebut. Lihat: Muhammad Lukman Ibrahim, "Variasi Metodologi Ilmu Tarannum: Suatu Perbincangan Kritis," *Ma'alim al-Quran wa Sunnah* 17 (2021):1-20.

<sup>8</sup> Muhamad Ridwan Nurrohman dan Engkos Kosasih, "Diskursus Kritik Matan; Pendekatan Tashih Mutun terhadap Kontroversi Riwayat Rasulullah SAW Menyalatkan Ibn Ubay," *Jurnal Studi Ilmu Hadis* (2020). Lihat juga: Nur Muhammad Anas Mohd Razak dan Arif Nazri, "Manhaj Kritik Matan Hadis Mulla 'Ali Al-Qari," *Jurnal al-Turath* (2023).

<sup>9</sup> Hilda Husaini Rusdi, "Metode Kritik Matan Hadis Prespektif Masrukhan Mukhsin," *Al-Shamela: Journal of Quranic and Hadith Studies* 1, no. 1 (2023).

<sup>10</sup> Aulia Diana Devi, "Studi Kritik Matan Hadits," *Al-Dzikra* 14, no. 2 (2020).

3.	Studi Kritik Matan Hadis: Kajian Teoritis Dan Aplikatif Untuk Menguji Kesahihan Matan Hadis <sup>11</sup>	Ali Yasmanto dan Siti Rohmaturrosyidah Ratnawati	2019	Membincangkan metodologi kritik matan dengan mengetengahkan pendekatan tertentu.
4.	Integrasi Keilmuan Dalam Kritik Matan Hadis <sup>12</sup>	Muhammad Taufiq Firdaus dan Muhammad al-Fatih Suryadilaga	2019	Membincangkan mengenai integrasi bidang-bidang ilmu tertentu dalam proses kritik matan.
5.	Metode Kritik Sanad dan Matan <sup>13</sup>	Rizkiyatul Imtyas	2018	Membahaskan konsep kritik sanad dan matan yang digunakan oleh para ulama hadith.
6.	Metode Kritik Matan Hadis Menurut Pandangan Muhadditsin Mutaqaddimin <sup>14</sup>	Said Aqil Husen al-Munawar	2016	Membincangkan mengenai metode kritik matan yang digunakan oleh para ulama hadith silam.

Justeru itu, keperluan dan kepentingan kajian ini timbul daripada kekeliruan yang wujud dalam kalangan sebahagian sarjana hadith yang menggabungkan metodologi kritik matan dalam ‘*ilal al-hadīth* dan *mukhtalif al-hadīth*. Kajian ini diperlukan untuk memperjelaskan perbezaan asas antara kedua-dua disiplin yang masing-masing mempunyai tujuan dan pendekatan tersendiri.

<sup>11</sup> Ali Yasmanto dan Siti Rohmaturrosyidah Ratnawati, Studi Kritik Matan Hadis: Kajian Teoritis Dan Aplikatif Untuk Menguji Kesahihan Matan Hadis, *Al-Bukhari: Jurnal Ilmu Hadis* 2, no. 2 (2019).

<sup>12</sup> Muhammad Taufiq Firdaus dan Muhammad al-Fatih Suryadilaga, “Integrasi Keilmuan Dalam Kritik Matan Hadis,” *Jurnal Tajdid* 18, no. 2 (2019).

<sup>13</sup> Rizkiyatul Imtyas, “Metode Kritik Sanad dan Matan,” *Ushuluna: Jurnal Ilmu Ushuluddin* 4, no. 1 (2018).

<sup>14</sup> Said Aqil Husen al-Munawar, “Metode Kritik Matan Hadis Menurut Pandangan Muhadditsin Mutaqaddimin,” *Ushuluna: Jurnal Ilmu Ushuluddin* 2, no. 1 (2016).

Tanpa penjelasan yang sistematik, penggabungan ini boleh membawa kepada salah faham dan kesilapan dalam menilai hadith. Kepentingan kajian ini terletak pada usaha membetulkan persepsi tersebut, sekaligus memperbaiki ketepatan ilmiah dalam bidang hadith. Dengan memberikan rujukan yang jelas mengenai penggunaan metode kritik matan, kajian ini akan menyumbang kepada peningkatan kualiti pengajaran dan penyelidikan hadith, selain membantu sarjana moden memahami dengan lebih mendalam metodologi kritis yang digunakan oleh ahli hadith silam.

Dengan itu, kajian akan menyumbang kepada peningkatan kefahaman terhadap peranan kritik matan dalam ilmu hadith dan memperkaya wacana akademik dalam bidang ini.

### **Asas Ilmu ‘Ilal al-Hadīth**

Istilah ‘ilal al-hadīth berasal daripada dua kalimah bahasa Arab iaitu ‘ilal dan *al-hadīth*. Bagi perkataan ‘ilal, ia merupakan kata jamak bagi ‘illah. Al-‘illah, dalam konteks bahasa yang berkait rapat dengan penggunaan para ulama hadith, merujuk kepada penyakit dan kedhaifan (kelemahan)<sup>15</sup>, yang biasanya dikaitkan dengan kelemahan tubuh badan akibat penyakit. Para ulama hadith mengadaptasi makna ini untuk menggambarkan hadith yang lemah disebabkan oleh al-‘illah. Selain itu, al-‘illah juga difahami sebagai punca, yang mana ulama hadith kadang-kadang menyebutkan ‘illatuhu fulan (yang menyebabkan hadith ini ber‘illah adalah fulan)<sup>16</sup>. Begitu juga, al-‘illah boleh merujuk kepada sesuatu yang berulang-ulang, seperti kekerapan minum secara berulang. Hal ini mencerminkan bagaimana para ulama hadith secara mendalam meneliti hadith yang mengandungi ‘illah (kecacatan tersembunyi), dengan memberikan perhatian yang lebih kepada hadith-hadith tersebut berbanding hadith yang tiada ‘illah<sup>17</sup>.

<sup>15</sup> Muhammad Abdullah Hayānī, *Al-Muyassar fī Ilm ‘Ilal al-Hadīth* (Arab Saudi: al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Sa’ūdiyyah, 2015).

<sup>16</sup> Ibn Manzur, *Lisān al-‘Arab* (Palestin: Maktabah Palestin, 1985), 4/3079.

<sup>17</sup> Ahmad Ma’bad Abdul Karīm dan Muhammad Nasr al-Labān, ‘Ilal al-Hadīth bayna al-Qawā’id al-Nazariyyah wa al-Tadbīq al-Amalī (Kaherah: Maktabah al-Īmān, 2016), 19.

Manakala *al-‘illah* menurut istilah adalah kecacatan tersembunyi dalam hadith yang memberi kesan terhadap status hadith tersebut sedangkan zahir hadith terlihat baik. Definisi ini dapat diuraikan secara komponen seperti berikut<sup>18</sup>:

Jadual 2: Huraian Komponen ‘*Ilal al-Hadīth*

No.	Definisi	Huraian
1.	Kecacatan tersembunyi	Masalah-masalah yang tidak dapat dikesan kecuali memerlukan himpunan riwayat. Begitu juga masalah-masalah yang hanya difahami realitinya oleh para <i>muhaddithīn</i> . Justeru masalah umum seperti perawi pemalsu hadith tidak dinamakan ‘ <i>illah</i> ’. Contoh: pertembungan riwayat secara <i>marfū'</i> dan <i>mawqūf</i> . Riwayat bermasalah seseorang perawi daripada perawi tertentu.
2.	Memberi kesan terhadap status hadith	Masalah-masalah yang menyebabkan sesebuah hadith berubah statusnya. Justeru masalah yang tidak memberi kesan seperti pertukaran nama perawi daripada kalangan sahabat tidak dinamakan ‘ <i>illah</i> ’. Contoh: perbezaan lafadz dua riwayat daripada hadith yang sama.
3.	Sedangkan zahir hadith terlihat baik	Mata kasar orang awam atau penuntut ilmu hadith biasa tidak dapat mengesan kewujudan ‘ <i>illah</i> ’. Hal ini berikutan ia hanya dapat dikesan apabila mengumpulkan riwayat-riwayat hadith dan membandingkan antara satu sama lain.

**Contoh: Hammād bin Salamah meriwayatkan hadith daripada ‘Āsim bin al-Munzir daripada Ubaydullah daripada Abdullah bin ‘Umar bahawa Nabi SAW bersabda:**

<sup>18</sup> Muhammad ‘Amrū Abdul Mun’im Salīm, *Syarh ‘Ilal al-Hadīth li al-Mubtadi ‘īn* (Kuwait: Dār al-Dhiyā’, 2006), 7.

**“Apabila air mencapai (kuantiti) dua qullah, maka ia tidak menajiskan”.**

Hadith ini diriwayatkan oleh Hammād bin Salamah secara *marfū'*. Sedangkan dalam riwayat lain Hammād bin Zayd meriwayatkannya secara *mawqūf*.

Justeru masalah pertembungan ini hanya boleh dikesan apabila mengumpulkan riwayat dan membandingkan antara satu sama lain. Dalam masa yang sama ia memberi kesan terhadap status hadith berikutan hadith yang dimilai silap tidak boleh digunakan. Seterusnya masalah ini hanya boleh diselesaikan oleh para ulama hadith sahaja berikutan mereka mengetahui beza nilai dan kedudukan Hammād bin Salamah dan Hammād bin Zayd.

Justeru itu, ilmu ‘*ilal al-hadīth* merupakan salah satu cabang penting dalam ‘*ulūm al-hadīth* yang bertujuan mengenal pasti kecacatan tersembunyi (*al-‘illah*) dalam riwayat hadith<sup>19</sup>. Kecacatan ini tidak kelihatan secara zahir dan memerlukan kepakaran yang mendalam untuk dikenal pasti, menjadikan ilmu ini sebagai salah satu cabang yang paling kompleks dan mencabar dalam kajian hadith<sup>20</sup>. ‘*Ilal al-hadīth* membincangkan permasalahan seperti kesalahan dalam sanad, percanggahan dalam riwayat, dan kesalahan dalam matn (teks) hadith<sup>21</sup>. Kejayaan dalam mengenal pasti ‘*illah* dapat menentukan sama ada sesebuah hadith boleh diterima atau perlu ditolak<sup>22</sup>.

Terdapat beberapa karya utama yang menjadi rujukan dalam bidang ‘*Ilal al-Hadīth*. Antaranya ialah *al-‘Ilal* karya Ibn Abī Hātim al-Rāzī, *al-‘Ilal* oleh ‘Alī bin al-Madīnī dan ‘*Ilal* Ahmad bin Hanbal. Karya-karya ini memberikan panduan praktikal dan metodologi dalam mengenal pasti kecacatan hadith dan merupakan rujukan utama bagi para sarjana hadith dalam bidang ini<sup>23</sup>.

<sup>19</sup> ‘Ādil al-Zuraqī, *Qawā’id Al-Ilal Wa Qarāin Al-Tarjīh* (Riyadh: Dār al-Muhaddith li al-Nasyr wa al-Tawzī’, 2004), 10.

<sup>20</sup> Abū Syāmah, *Mukhtasar al-Mua’mmal fī al-Radd ‘Ilā al-Amr al-Awwāl* (Kuwait: Maktabah al-Sahwah al-Islāmiyyah, 1985).

<sup>21</sup> Al-Ghawrī, S. ‘A., ‘*Ilm ‘Illal al-Hadīth: Ta’rīfuhu wa Ahammiyatuhu wa Aimmatuhu wa Kutubuhu* (Selangor: Ma’had wa Dirāsāt al-Hadīth al-Shārif bi Silanjūr, 2019) 12.

<sup>22</sup> Ibn Rejab, A. R. bin A., *Syarh ‘Ilal al-Tirmizī*, (Jordan: Maktabah al-Manār, 1987).

<sup>23</sup> Ibn Kathīr, *al-Bā’ith al-Hasīth ilā Ikhtisār ‘Ulūm al-Hadīth* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2006).

### Asas Ilmu *Mukhtalif al-Hadīth*

Bagi *mukhtalif al-hadīth*, ia berasal daripada dua kalimah bahasa Arab iaitu *mukhtalif* dan *al-hadīth*. Oleh kerana definisi hadith telah maklum dan difahami, justeru kajian hanya menjelaskan definisi *mukhtalif* sahaja secara bahasa dan istilah. Daripada sudut bahasa, ia bermaksud dua perkara yang bercanggah dan tidak dapat dihimpunkan bersama<sup>24</sup>. Begitu juga kedua-dua pihak yang bercanggah berada dalam paras kekuatan yang sama sehingga tidak dapat ditentukan salah satu. Justeru *mukhtalif* pada bahasa digunakan apabila berlaku percanggahan dan tidak ada keharmonian.

Manakala daripada sudut istilah, al-Hākim al-Naysābūrī (m 405h) boleh dikatakan tokoh terawal yang mengisyaratkan kepada perbincangan *mukhtalif al-hadīth* namun beliau tidak meletakkan apa-apa definisi<sup>25</sup>. Ibn al-Solāh (m 643h) juga menyebutkan mengenai *mukhtalif al-hadīth* dalam karya *Muqaddimah Ibn Solāh* namun beliau tidak mengeluarkan definisi yang jelas. Beliau hanya membahagikan hadith bercanggahan kepada dua bahagian, iaitu hadith yang boleh dihimpunkan dan hadith yang tidak boleh dihimpunkan. Al-Nawawī (m 676h) seterusnya menjelaskan definisi *mukhtalif al-hadīth* iaitu dua hadith yang saling bercanggahan secara zahir, maka cuba dihimpunkan keduanya atau ditentukan salah satu sehingga yang dipilih diamalkan dan sebaliknya<sup>26</sup>. Justeru, tokoh-tokoh hadith setelah itu dilihat selari dengan beliau dalam pendefinisian ini.

Menurut Fath al-Dīn Muhammad dan Sayūti Abd Manās, definisi yang terbaik bagi *mukhtalif al-hadīth* adalah hadith-hadith yang saling bercanggahan pada zahir<sup>27</sup>. Menurut kebanyakan *fuqahā'* dan *muhaddithīn*, tidak mungkin berlaku percanggahan dalam hadith-hadith yang *maqbūl*, yang terjadi sebenarnya adalah tahap kemampuan seseorang dalam memahami hadith-hadith tersebut. Rohaizan dan Fauzi menyokong perkara ini dengan menyatakan oleh kerana kedudukan

<sup>24</sup> Ibn Manzur, *Lisān al-'Arab* (Palestin: Maktabah Palestin, 1985), 9:92.

<sup>25</sup> Fath al-Dīn Muhammad dan Sayūti Abd Manās, ‘Ulūm Dirāyat Matn al-Hadīth (Gombak: IIUM Press, 2022), 57.

<sup>26</sup> Abū Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawāwī, *Irshād Ṭullab al-Ḥaqā'iq ilā Ma'rifa Sunan Khayr al-Khalā'iq*, ed. Nuruddin ‘Itr (Damsyik: Dār al-Yamamah, 2002).

<sup>27</sup> Fath al-Dīn Muhammad dan Sayūti Abd Manās, ‘Ulūm Dirāyat Matn al-Hadīth (Gombak: IIUM Press, 2022), 56.

hadith sebagai sebahagian daripada wahyu dan sumber rujukan utama, maka tidak sepatutnya ia mempunyai percanggahan antara satu sama lain<sup>28</sup>.

Menurut Mohd Solleh Ab Razak dan Roshimah Samsudin, ilmu *mukhtalif al-hadīth* merupakan salah satu cabang terpenting dalam dunia hadith<sup>29</sup>. Begitu juga merupakan satu cabang ilmu yang perlu diketahui oleh para ulama daripada pelbagai bidang seperti hadith, fiqh dan usul<sup>30</sup>. Antara aspek utama dalam perbincangan *mukhtalif al-hadīth* adalah pendekatan yang digunakan oleh para *muhaddithīn* untuk menyelesaikan percanggahan antara dua hadith. Dalam hal ini, para *muhaddithīn* telah memperkenalkan tiga pendekatan utama, iaitu *al-jam'*, *al-naskh*, dan *al-tarjih*, sebagai kaedah untuk menangani isu *mukhtalif al-hadīth*<sup>31</sup>. Sa'd al-Dusari menyatakan bahawa ketiga-tiga pendekatan ini diterima secara sepakat oleh seluruh muhaddithin. Namun demikian, terdapat juga sebahagian *muhaddithīn* yang mencadangkan pendekatan keempat, iaitu *al-tawaqquf*, walaupun pendekatan ini masih diperdebatkan oleh para ulama<sup>32</sup>.

Kesimpulannya, ilmu *mukhtalif al-hadīth* adalah salah satu disiplin penting dalam kajian hadith yang berfungsi untuk menyelesaikan percanggahan zahir antara dua riwayat hadith. Meskipun para ulama terdahulu tidak meletakkan definisi yang jelas, perbincangan kemudian telah menghasilkan pendekatan yang kukuh dalam menyelesaikan isu ini. Pendekatan-pendekatan ini menunjukkan betapa teliti para *muhaddithīn* dalam menjaga keharmonian dan keselarasan hadith, tanpa mengabaikan integriti sumber agama. Sumbangan ilmu ini bukan

<sup>28</sup> Rohaizan Baru, Fauzi Deraman. Pendekatan al-Jam' dalam Menangani Percanggahan Hadith. Bil 9. UM: Jurnal al-Bayan (2011):51

<sup>29</sup> Mohd Solleh Abd Razak dan Roshimah Samsudin, "Tertib al-Jam' dan al-Naskh dalam Mukhtalif al-Hadīth Menurut Sharaf al-Quḍāh: Satu Analisis," *Jurnal Usuluddin* 49, no. 1 (2021), 88.

<sup>30</sup> Abū Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawāwī, *Irshād Ṭullab al-Ḥaqā'iq ilā Ma'rifa Sunan Khayr al-Khalā'iq*, ed. Nuruddin 'Itr (Damsyik: Dār al-Yamamah, 2002), 571.

<sup>31</sup> Ibn Ṣalāḥ, *Muqaddimah Ibn al-Ṣalah*, 262-263. Al-Nawāwī, *al-Taqrīb wa al-Taysīr*, 90. 'Abd al-Rahīm bin Ḥusayn al-'Irāqī, *Sharḥ al-Tabṣirah wa al-Tadhkirah*, ed. Māhir Yaśīn al-Fahl dan 'Abd al-Laṭīf al-Hamim (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2002), 108; Jalāl al-Dīn 'Abd al-Rahmān bin Abī Bakr al-Suyūṭī, *Tadrīb al-Rāwī fī Shah Tagrib al-Nawāwī* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1979), 2:196

<sup>32</sup> Sa'd Fajhan al-Dusārī, *Qawā'id Raf' al-Ikhtilāf fī al-Ḥadīth al-Nabāwī*, (Beirut: Muassasah al-Risālah, 2011), 177.

sahaja penting dalam memahami hadith, tetapi juga mempengaruhi kajian dalam bidang fiqh dan usul.

## SKOP DAN METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, yang dipilih kerana pendekatan ini paling sesuai untuk memahami dengan mendalam perbandingan metodologi kritik matan dalam ‘ilal al-hadīth dan mukhtalif al-hadīth. Pendekatan ini membolehkan kajian meneliti dengan teliti perbezaan dan persamaan antara kedua-dua disiplin serta memahami aplikasi praktikal kritik matan dalam konteks yang berbeza<sup>33</sup>.

Metode dokumentasi digunakan sebagai teknik utama dalam pengumpulan data. Sumber-sumber primer dan sekunder akan dikumpulkan untuk mendapatkan pemahaman yang komprehensif tentang konsep dan metodologi kritik matan dalam ‘ilal al-hadīth dan mukhtalif al-hadīth. Sumber-sumber yang digunakan termasuk kitab-kitab hadith klasik, syarah hadith, artikel jurnal, tesis, disertasi, serta koleksi peribadi dan sumber digital seperti *al-Maktabah al-Shāmilah*. Penyelidikan ini juga akan memfokuskan kepada karya-karya utama yang membincangkan ‘ilal al-hadīth dan mukhtalif al-hadīth.

Dalam menganalisis data, metode analisis kandungan akan diaplikasikan. Metode ini akan digunakan untuk mengenal pasti definisi, tema, dan pembahagian kritik matan oleh para ilmuwan hadith, sama ada dari sudut pandangan konvensional atau kontemporari. Kajian ini akan menilai metodologi kritik matan yang digunakan dalam kedua-dua disiplin, serta menganalisis bagaimana metodologi tersebut diaplikasikan dalam karya-karya hadith yang berkenaan. Kajian ini juga akan meneliti implikasi praktikal perbezaan metodologi ini terhadap pemahaman dan aplikasi hadith secara keseluruhan.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

### Konsep Kritik Matan

Penggunaan terma kritik matan digunakan dengan beberapa definisi secara meluas dalam ilmu hadith, oleh yang demikian kajian akan menyenaraikan definisi-definisi tersebut mengikut kategori bidang ilmu yang sedang dibahaskan.

<sup>33</sup> Idris, M. A., Muhamad, H., & Ibrahim, R. Z. A. R., *Metodologi Penyelidikan Sains Sosial* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2018), 76.

### Definisi Kritik Matan

Kritik matan adalah terjemahan literal daripada kalimah bahasa Arab *naqd al-matn*. Bagi kalimah *naqd*, Ibn Fāris mengatakan bahawa kalimah ini menunjukkan proses mendedahkan sesuatu dan sesuatu menjadi terdedah atau tersingkap<sup>34</sup>. Seperti contoh, ia digunakan pada kuku kuda yang pecah sehingga menunjukkan permukaannya. Kebiasaan kalimah *naqd* ini digunakan pada dinar iaitu menyingkap tentang keadaan dan kualitinya<sup>3536</sup>.

Manakala bagi kalimah *matn*, ramai daripada kalangan ilmuwan hadith memberi definisi yang serupa baginya. Mullā ‘Alī al-Qārī menyatakan *matan* adalah perkataan dan perbuatan Nabi SAW atau sahabat yang berada di akhir sanad. Dalam bahasa yang lebih mudah boleh dikatakan matan adalah teks bagi sesebuah hadith<sup>37</sup>.

Bagi istilah *naqd al-matn*, Muhammad Ayūb Muhammad Hasan dalam kajiannya menyatakan terdapat beberapa definisi yang dikeluarkan oleh para ilmuwan hadith masa kini sehingga setidaknya membawa kepada enam definisi utama:

Jadual 3: Definisi Kritik Matan

No.	Definisi
1.	Mengharmonikan antara teks hadith dan apa yang bertentangan dengannya, sama ada bertentangan dengan al-Quran, hadith, kaedah dan kefahaman akal yang sejahtera.
2.	Menentukan kesahihan teks hadith berbanding teks hadith yang lain.
3.	Meninggalkan beramal dengan hadith yang autentik berikutan ia bercanggah dengan nas atau akal yang sejahtera
4.	Mengkritik sebahagian teks hadith walaupun umumnya sahih.

<sup>34</sup> Ibn Fāris. (2007). Mu’jam Maqāyīs al-Lughah (Vol. 5). Beirut: Dār al-Fikr.

<sup>35</sup> Ibn Manzur, Lisān al-‘Arab, Palestin: Maktabah Palestin, 3(125) 1985.

<sup>36</sup> Muhammad ‘Alī Qāsim Al-‘Umrī, Dirāsāt fi Manhaj Al-Naqd ‘Inda Al-Muḥaddithīn (Amman: Dār Al-Nafā’is, 2000), 11.

<sup>37</sup> Al-Qārī, M. A. (2015). Syarh Nukhbah al-Fikar. Beirut: Dār al-Qalam.

5.	Menolak hadith hadith kerana bertentangan dengan nas, kaedah dan akal yang seja tera walaupun sahih sanadnya.
6.	Memeriksa hadith daripada segi makna, kesahihan dan tiada berlaku kesilapan padanya.
<b>Kesimpulan: Kritik matan terbahagi kepada dua sudut penelitian iaitu:</b>	
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Keselarian (<i>muwāfaqah</i>) dan percanggahan (<i>mukhālafah</i>) teks hadith antara para perawi.</li> <li>2. Keselarian (<i>muwāfaqah</i>) dan percanggahan (<i>mukhālafah</i>) teks hadith antara hadith dengan nas-nas syariat<sup>38</sup>.</li> </ol>	

Setelah menghimpunkan keseluruhan definisi, kajian menyimpulkan dua definisi utama yang dapat dikeluarkan. Definisi pertama adalah yang keenam iaitu sebuah proses menentukan status sesebuah hadith dengan menjelaskan kecacatan yang terdapat pada teksnya dengan memeriksa makna hadith. Ia merupakan sebahagian daripada perbincangan dalam ilmu ‘Ilal al-Hadīth<sup>39</sup>. Manakala definisi kedua adalah yang ketiga iaitu meninggalkan beramal dengan hadith yang autentik berikut ia bercanggah dengan nas atau akal yang sejahtera. Definisi ini merujuk kepada kritik matan dalam ilmu *Mukhtalif al-Hadīth*<sup>40</sup>. Justeru itu, natijah akhir mendapati kritik matan terbahagi kepada dua sudut penelitian iaitu:

- i. Keselarian (*muwāfaqah*) dan percanggahan (*mukhālafah*) teks hadith antara para perawi.

<sup>38</sup> Hassan, M. A. M., Naqd Matn al-Hadīth ‘inda al-Muhaddithīn bayna al-Qabūl wa al-Radd. *Ibn Khaldoun Journal for Studies and Research*, 2(6) (2022), 75; Syaqīq Winqarā, *Naqd Matn al-Hadīth: Tārikhuhu wa Maqāyisuhu wa Manāhij al-‘Ulamā’ fīhi* (disertasi sarjana Dār al-Huda Islamic University, 2018), 23.; Mubārakīh, A. M. A., *Maqāyis Naqd al-Matn al-Hadīthī ‘inda al-Syaikh al-Albānī min Khilāl Kitābihī Silsilah al-Aḥādīth al-Dha’īfah wa al-Maudhū’ah* (tesis kedoktoran University of Batna Algeria, 2013); Bazmūl, M. U., *Khaṭūrah Naqd al-Hadīth*. (Mesir: Dār al-Āthār, 2005).

<sup>39</sup> Abū al-Layth al-Khayr Ābādī, *Ittijāhāt fī Dirāsāt al-Sunnah Qadīmuhā wa Ḥadīthuhā* (Selangor: Dār Al-Shākir, 2011).

<sup>40</sup> Fath al-Dīn Muhammad dan Sayūṭī Abd Manās, ‘Ulūm Dirāyat Matn al-Hadīth, (Gombak: IIUM Press, 2022), 56.

ii. Keselarian (*muwāfaqah*) dan percanggahan (*mukhālafah*) teks hadith antara hadith dengan nas-nas syariat.

Kritik matan dilihat mempunyai asas rujukannya daripada syariat. Hal ini boleh dilihat dalam al-Quran:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنْ جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبِإِنْ تُصِيبُوْ قَوْمًا بِجَهَلَةِ فَتُصْبِحُوْ عَلَىٰ  
مَا فَعَلْتُمْ نَدِيرٌ

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini – dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) – sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.* (Surah al-Hujurāt 26:6)

Jelas daripada ayat ini menunjukkan bahawa Allah SWT memerintahkan umat Islam untuk memastikan kebenaran sebelum menerima sesuatu berita dan perkhabaran. Begitu juga halnya dengan hadith-hadith Nabi SAW. Tidak ada satu hadith yang diriwayatkan daripada para perawi kecuali ia akan diselidiki sama ada tepat atau tidak bersumberkan Nabi SAW<sup>41</sup>.

### **Peranan Kritik Matan**

Kritik matan mempunyai peranan yang cukup besar dalam lapangan hadith. Antara peranan utamanya ialah membantu mengelakkan sikap sembarangan dan berlebihan dalam meriwayatkan hadith, memandangkan terdapat ukuran dan kaedah tertentu yang digunakan dalam metodologi kritik matan untuk menilai keabsahan sesuatu riwayat<sup>42</sup>. Selain itu, kritik matan juga berfungsi sebagai langkah alternatif bagi menangani kemungkinan kesalahan yang dilakukan oleh para perawi. Kesalahan ini mungkin berlaku tanpa disengajakan, dan melalui

<sup>41</sup> Abū al-Layth al-Khayr Ābādī, *Ittijāhāt fī Dirāsāt al-Sunnah Qadīmuhā wa Ḥadīthuhā* (Selangor: Dār Al-Shākir, 2011).

<sup>42</sup> Al-Vidatuz Zuhriah dan Khusna Farida Shilviana, “Kritik Matan dan Urgensinya dalam Pembelajaran Hadis: Studi Hadis Puasa Daud”, *Jurnal Ilmu Hadis*, 3, no. 1 (2020): 9.

analisis yang teliti terhadap matan, hadith yang mempunyai kelemahan dapat dikenal pasti dan disaring<sup>43</sup>.

Tambahan pula, kritik matan menjadi alat penting dalam menghadapi ancaman atau keraguan orientalis serta musuh-musuh Islam yang cuba memalsukan hadith dengan menggunakan sanad yang kelihatan sahih. Dengan meneliti kandungan teks hadith, para ahli hadith dapat mengenal pasti hadith-hadith palsu yang disebarluaskan untuk mengelirukan umat Islam. Di samping itu, kritik matan juga berperanan dalam menangani kemungkinan berlakunya percanggahan antara beberapa riwayat hadith yang tampak bertentangan. Dalam situasi sebegini, kritik matan digunakan untuk menyelaraskan kandungan hadith dan menyelesaikan percanggahan yang mungkin timbul.

Secara keseluruhannya, peranan kritik matan sangat penting dalam menjaga keaslian dan integriti sumber-sumber agama Islam.

### **Metodologi Kritik Matan dalam ‘Ilal al-Hadīth dan Mukhtalif al-Hadīth**

Kajian membahaskan mengenai perbandingan metodologi kritik matan dalam ‘ilal al-hadīth dan Mukhtalif al-Hadīth. Justeru sebelum itu, kajian mengeluarkan kerangka konseptual cabang-cabang subjek hadith agar kedudukan kedua bidang ilmu dapat difahami sebaiknya. Rujuk rajah di bawah<sup>44</sup>:

---

<sup>43</sup> Miftahul Asror & Imam Musbikin, *Membedah Hadis Nabi*, (Madiun: Pustaka Pelajar, 2015), 215.

<sup>44</sup> Fath al-Dīn Muhammad dan Sayūṭī Abd Manās, ‘Ulūm Dirāyat Matn al-Hadīth, (Gombak: IIUM Press, 2022), 1-20.

Jadual 4: Kerangka Konseptual Cabang-Cabang Subjek Hadith

<i>Riwayah</i>	<i>Dirāyah Sanadiyyah</i>	<i>Dirāyah Matniyyah</i>
<p>Praktis periwayatan hadith melalui tiga konsep utama pengajian.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Majlis <i>sama'</i></li> <li>2. Majlis <i>ta'līq</i></li> <li>3. Majlis <i>talaqqī</i></li> </ol>	<p>Perbahasan berkenaan teknikal matan.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Mustalah al-Hadīth</i></li> <li>2. <i>al-Jarh wa al-Ta'dil</i></li> <li>3. <i>Dirārah al-Asānid</i></li> <li>4. <b><i>'Ilal al-Hadīth</i></b></li> </ol>	<p>Perbahasan berkenaan teknikal matan.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ilmu <i>Syarh al-Hadīth</i></li> <li>2. Ilmu <i>Sabab Wurūd al-Hadīth</i></li> <li>3. <b>Ilmu Mukhtalif al-Hadīth</b></li> <li>4. Ilmu <i>al-Nāsikh wa al-Mansūkh fī al-Hadīth</i></li> <li>5. Ilmu <i>Gharīb al-Hadīth</i></li> <li>6. Ilmu <i>Muhkam al-Hadīth wa Mutasyābihi</i></li> </ol>

Jika dilihat pada kedudukan kedua-dua bidang, ilmu '*ilal al-hadīth*' berada pada cabang ilmu *dirāyat* sanad (teknikal sanad), manakala ilmu *Mukhtalif al-hadīth* berada pada cabang ilmu *dirāyat* matan (teknikal matan). Menurut Fath al-Dīn dan Sayuthi Abdul Manas (2022), objektif *dirāyat* sanad adalah untuk mengetahui keadaan perawi dan hadith sama ada diterima atau ditolak, manakala objektif *dirāyat* matan adalah untuk memahami hadith dan mengetahui sama ada ia boleh diamalkan atau tidak. Rujuk jadual di bawah:

Jadual 5: Perbezaan Objektif *Dirāyat* Sanad dan Matan

<i>Dirāyat Matan</i>	<i>Dirāyat Sanad</i>
Mengetahui keadaan perawi dan apa yang diriwayatkan sama ada diterima atau ditolak	Mengetahui keadaan teks hadith dari sudut kefahaman dan kebolehamalannya.

Justeru itu, terdapat perbezaan antara fokus kedua-dua bidang ini. Berbincang mengenai '*Ilal al-Hadīth*', ia merupakan cabang ilmu untuk menyelidiki riwayat-riwayat daripada perawi *thiqah* sama ada tepat atau berlaku kesilapan. Oleh yang demikian, khusus bagi perbahasan '*ilal al-hadīth*', Hanān Qamāri menyatakan kritik matan merupakan salah satu subjek penggunaan petunjuk (*qarīnah*) untuk

menguatkan pandangan seseorang tokoh berkenaan kesilapan sesebuah hadith<sup>45</sup>. Abd Qādir Muhammad merumuskan definisi *qarīnah* dalam ilmu hadith ialah tanda yang menunjukkan wujud atau tidak ‘illah pada sesebuah hadith berhubung kait perawi dan riwayat<sup>46</sup>. Para imam hadith menggunakan *qarīnah* bagi melakukan sama ada kritik matan atau kritik sanad bagi membuktikan kewujudan ‘illah bagi sesuatu hadith<sup>47</sup>.

Justeru, apabila kritik matan berperanan sebagai *qarīnah* dalam menentukan kesilapan sesebuah hadith, dapat dilihat seseorang tokoh tidak meletakkan limitasi kritik matan semata-mata dalam penilaianya, bahkan banyak kali menggabungkan antara kritik matan dan kritik sanad sekaligus. Bagi kritik matan dalam ‘Ilal al-Hadīth, para ulama menetapkan tiga pendekatan utama apabila berlaku percanggahan riwayat (*mukhālafah*) iaitu<sup>48</sup>:

1. *Al-Tarjīh* (Menentukan salah satu)
2. *Al-Jam‘u* (Menghimpunkan antara kesemua variasi riwayat)
3. *Al-Tawaqquf* (Berhenti daripada meneliti)

Dalam masa yang sama, ilmu *mukhtalif al-hadīth* pula bertujuan untuk menyelidiki hadith autentik yang dilihat bercanggahan dengan hadith autentik lain. Oleh itu, ketika ini kritik matan berperanan sebagai subjek utama penelitian dalam membandingkan hadith-hadith tersebut. Percanggahan tersebut disebut sebagai *al-ta‘ārud*. Menurut Mohd Solleh Abd Razak dan Roshimah Samsudin, para ulama menggunakan empat pendekatan apabila berlaku percanggahan hadith (*al-ta‘ārud*) iaitu<sup>49</sup>:

<sup>45</sup> Hanān Qamārī. "Ta‘ārud Qarāīn Al-Tarjih Wa Dawābit Daf’ihā ‘Inda Al-Imām Ibn Abi Hātim Min Khilāli Kitābihī Al-‘Ilal." (Disertasi Master, Echahid Hamma Lakhdar University, 2016): 45.

<sup>46</sup> Sāmir al-Kabīsī. "Athar Al-Qarāīn Fī Al-Tarjih Bi Al-Jazm Bi Al-Samā‘ Al-Mubāsyir Wa Al-Tahdīth Bihi Mirāran." *Majallah al-Muhaddith al-‘Irāqiyah* 3, no. 1 (2021): 106.

<sup>47</sup> Ādil al-Zuraqī. ‘Ādil Abd Syakur. *Qawā‘id Al-Ilal Wa Qarāīn Al-Tarjih Riyadh*. (Riyadh: Dār al-Muhaddith li al-Nasyr wa al-Tawzī’, 2004), 52.

<sup>48</sup> *Ibid.* 53.

<sup>49</sup> Mohd Solleh Abd Razak dan Roshimah Samsudin, “Tertib al-Jam‘ dan al-Naskh dalam Mukhtalif al-Hadīth Menurut Sharaf al-Quḍāh: Satu Analisis”, *Jurnal Usuluddin* 49, no. 1 (2021): 89.

1. *Al-Jam'u* (Menghimpunkan antara kesemua hadith)
2. *Al-Naskh* (Salah satu diamalkan, manakala hadith yang lain dilupuskan amalannya)
3. *Al-Tarjih* (Menentukan salah satu untuk diamalkan)
4. *Al-Tawaqquf* (Berhenti daripada meneliti)

Oleh yang demikian, kajian mengeluarkan rumusan perbandingan metodologi kritik matan dalam ilmu '*ilal al-hadīth*' dan ilmu '*mukhtalif al-hadīth*'. Menurut Muhammad Lukman Ibrahim et. al<sup>50</sup>, metodologi adalah asas kaedah-kaedah yang digunakan dalam perbincangan ilmu tersebut. Justeru itu, sandaran perbandingan yang dijalankan adalah berdasarkan objektif dan topik perbincangan, susunan perbincangan, subjek penelitian, kaedah yang digunakan, sumber rujukan, kemahiran yang diperlukan, istilah operasional dan hasil akhir perbincangan kedua bidang ilmu tersebut. Rumusan perbincangan adalah seperti berikut:

Jadual 6: Rumusan Perbezaan Metodologi Kritik Matan Ilmu '*ilal al-hadīth* dan *Mukhtalif al-Hadīth*

No.	Perbincangan	Ilmu		Catatan
		<i>'Ilal al-Hadīth</i>	<i>Mukhtalif al-Hadīth</i>	
1.	<b>Konsep Perbincangan</b>	Menilai teks hadith yang berlaku percanggahan riwayat sama ada tepat atau tidak.	Menilai teks hadith yang berlaku percanggahan dengan hadith lain.	Bagi ' <i>ilal al-hadīth</i> perbandingan dibuat antara riwayat. Manakala <i>mukhtalif al-hadīth</i> membandingkan hadith dengan hadith yang lain.

<sup>50</sup> Muhammad Lukman Ibrahim (2021), Variasi metodologi Ilmu Tarannum: Suatu Perbincangan Kritis, *Ma'alim al-Quran wa Sunnah* 17 Special Issue.

2.	Objektif Perbincangan	Untuk menilai kesahihan hadith	Untuk menilai kebolehamalan hadith	
3.	<b>Susunan Perbincangan</b>	Kritik matan dalam <i>'ilal al-hadīth</i> dijalankan terlebih dahulu	Kritik matan dalam <i>mukhtalif al-hadīth</i> dijalankan kemudian	Kritik matan dalam <i>'ilal al-hadīth</i> bagi mengesahkan status hadith, justeru ia dijalankan terlebih dahulu.
4.	<b>Subjek Perbincangan</b>	Hadith perawi <i>maqbūl</i> sahaja	Hadith yang telah dinilai autentik ( <i>sahīh</i> dan <i>hasan</i> ) sahaja	
5.	<b>Kaedah yang digunakan</b>	1. <i>Al-Tarjīh</i> 2. <i>Al-Jam'u</i> 3. <i>Al-Tawaqquf</i>	1. <i>Al-Jam'u</i> 2. <i>Al-Naskh</i> 3. <i>Al-Tarjīh</i> 4. <i>Al-Tawaqquf</i>	<i>'ilal al-hadīth</i> mengutamakan <i>al-tarjīh</i> berbanding <i>al-jam'u</i>
6.	<b>Sumber Rujukan</b>	Kitab-kitab <i>'ilal al-hadīth</i>	Kitab-kitab <i>mukhtalif al-hadīth</i> dan berkait hadith yang sedang dikaji.	Sumber rujukan dalam <i>ilmu mukhtalif al-hadīth</i> lebih luas berikutan ia melibatkan bagaimana memahami tekstual dan kontekstual hadith.
7.	<b>Kemahiran yang Diperlukan</b>	Kemahiran teknikal hadith	Kemahiran teknikal hadith, bahasa Arab dan bidang berkait hadith yang sedang dikaji	Bukan bermaksud bahasa Arab tidak diperlukan dalam <i>'ilal al-hadīth</i> , namun penggunaannya lebih sedikit berbanding <i>mukhtalif al-hadīth</i> .
8.	<b>Istilah Operasional</b>	<i>Mukhālafah</i>	<i>al-Ta'ārud</i>	

9.	Hasil Akhir Perbincangan	Sahih atau tidak	Boleh diamalkan atau tidak	
----	--------------------------	------------------	----------------------------	--

Kritik matan dalam disiplin ‘*ilal al-hadīth*’ dan *mukhtalif al-hadīth* memainkan peranan penting dalam kajian hadith, namun kedua-duanya berbeza dari aspek pendekatan metodologi, fokus kajian, dan penglibatan perawi serta riwayat. Dalam ‘*ilal al-hadīth*’, perhatian diberikan kepada pengesahan kecacatan tersembunyi dalam sesuatu hadith, sama ada dari aspek sanad (perawi dan periwayatan) maupun matan (teks hadith). Ulama hadith dalam bidang ini menilai kewujudan ‘*illah*’, iaitu kelemahan yang tidak terlihat secara zahir, seperti kejanggalan dalam rangkaian sanad atau percanggahan halus dalam matan hadith. Fokus utama adalah untuk memastikan kesahihan sesuatu riwayat, dengan memeriksa kredibiliti perawi serta konsistensi periwayatan mereka. Dalam konteks ini, sebarang riwayat yang mengalami ‘*illah*’ tersembunyi akan dianggap tidak sah walaupun nampak baik pada zahirnya.

Sebaliknya, *mukhtalif al-hadīth* berfungsi untuk menangani percanggahan zahir antara dua atau lebih hadith yang sah, sama ada dalam teks matan atau kandungan maksudnya. Pendekatan ini menekankan usaha untuk mengharmonikan riwayat yang kelihatan bertentangan, sama ada melalui proses *al-jam‘u* (menggabungkan maksud hadith), *al-tarjīh* (memilih riwayat yang lebih kuat berdasarkan dalil), atau *al-naskh* (penghapusan hukum hadith terdahulu dengan hadith baharu). Dalam *mukhtalif al-hadīth*, konteks asbab *wurūd*, kefahaman hadith turut diberi perhatian bagi memahami sebab berlakunya pertentangan serta memberikan solusi.

Justeru, perbezaan utama antara ‘*ilal al-hadīth*’ dan *mukhtalif al-hadīth* terletak pada sifat percanggahan yang ditangani. Dalam ‘*ilal al-hadīth*’, percanggahan lebih bersifat tersembunyi dan melibatkan kelemahan sanad atau kejanggalan matan yang sukar dikesan. Sebaliknya, *mukhtalif al-hadīth* menangani percanggahan yang zahir, iaitu percanggahan yang dapat dilihat dalam teks atau makna hadith itu sendiri. Perbezaan ini turut membawa kepada penggunaan metodologi yang berbeza; ‘*ilal al-hadīth*’ bersifat lebih teknikal dalam menilai keabsahan sanad dan kecacatan matan, manakala *mukhtalif al-hadīth* memerlukan pendekatan yang lebih komprehensif dengan mengambil kira makna, konteks sejarah, dan tujuan syarak.

Dari sudut susunan perbincangan, ‘*ilal al-hadīth*’ meletakkan kritik matan sebagai langkah pertama untuk menentukan kecacatan tersembunyi dalam hadith. Manakala dalam *mukhtalif al-hadīth*, kritik matan dilakukan selepas proses penyelarasan sanad telah dijalankan. Ini menunjukkan bahawa dalam *mukhtalif al-hadīth*, hadith yang telah disahkan kesahihannya melalui sanad masih mungkin memerlukan penyelarasan dari segi makna jika terdapat percanggahan dengan hadith-hadith lain. Oleh itu, perbezaan susunan perbincangan ini menekankan bahawa ‘*ilal al-hadīth*’ lebih fokus kepada analisis mendalam terhadap matan sebelum hadith tersebut dianggap sahih, manakala *mukhtalif al-hadīth* menggunakan kritik matan sebagai langkah akhir dalam proses harmonisasi hadith.

Kemahiran yang diperlukan dalam kedua-dua disiplin juga menunjukkan jurang yang berbeza. ‘*ilal al-hadīth*’ memerlukan kemahiran teknikal hadith yang mendalam untuk meneliti kelemahan tersembunyi dalam sanad dan matan, tetapi tidak memerlukan pengetahuan kontekstual yang mendalam seperti dalam *mukhtalif al-hadīth*. Dalam *mukhtalif al-hadīth*, sarjana perlu menguasai bukan sahaja teknik kritik hadith, tetapi juga kemahiran memahami sejarah dan konteks hadith yang sedang dikaji untuk menyelaraskan riwayat yang bertentangan. Ini menegaskan bahawa *mukhtalif al-hadīth* menuntut lebih banyak kemahiran interdisiplin, berbanding ‘*ilal al-hadīth*’ yang lebih terhad kepada aspek teknikal kritik sanad dan matan.

Perbezaan dari segi hasil perbincangan juga harus diberi perhatian. Dalam ‘*ilal al-hadīth*’, tujuan akhirnya adalah untuk menentukan sama ada hadith tersebut sahih atau tidak. Manakala dalam *mukhtalif al-hadīth*, hasil akhirnya lebih kepada penilaian sama ada hadith yang kelihatan bertentangan tersebut boleh diamalkan atau tidak. Perbezaan ini menunjukkan bahawa kedua-dua disiplin ini tidak boleh digabungkan di bawah satu metodologi tunggal, kerana masing-masing mempunyai matlamat yang berbeza dalam memastikan keaslian dan aplikasi hadith.

Secara keseluruhan, analisis ini memperlihatkan bahawa meskipun ‘*ilal al-hadīth*’ dan *Mukhtalif al-hadīth* kedua-duanya melibatkan kritik matan, pendekatan, kaedah, dan hasil yang diperoleh adalah berbeza. Penggabungan

metodologi antara kedua disiplin ini tanpa memahami perbezaan asas keduanya boleh membawa kepada salah tafsir dan kesimpulan yang tidak tepat dalam kajian hadith. Oleh itu, adalah penting bagi para sarjana hadith untuk meneliti secara kritis perbezaan ini dan menggunakan metodologi yang sesuai dengan konteks kajian masing-masing.

## KESIMPULAN

Berdasarkan keseluruhan kajian, dapat disimpulkan bahawa kritik matan memainkan peranan penting dalam menilai dan menjaga keaslian hadith. Melalui analisis yang mendalam terhadap metodologi kritik matan dalam '*ilal al-hadīth* dan *mukhtalif al-hadīth*', kajian ini telah mengenal pasti perbezaan asas antara kedua-dua disiplin tersebut, khususnya dari segi konsep, objektif, susunan perbincangan, kaedah, dan hasil akhir perbincangan. '*ilal al-hadīth*' lebih menumpukan kepada mengenal pasti kecacatan tersembunyi dalam sanad dan matan hadith, manakala *mukhtalif al-hadīth* memberi tumpuan kepada penyelarasan hadith yang kelihatan bertentangan.

Kesimpulannya, pemahaman yang tepat terhadap metodologi kritik matan dalam kedua-dua disiplin ini adalah penting untuk memastikan penilaian hadith yang lebih teliti dan tepat. Ini bukan sahaja menyumbang kepada peningkatan kefahaman terhadap ilmu hadith, tetapi juga memperkaya kajian akademik dalam bidang ini, memastikan bahawa hadith yang diamalkan dan diajarkan adalah benar-benar sahih dan boleh dipercayai. Kajian mencadangkan penyelidikan lanjutan dijalankan dalam bentuk yang lebih praktikal dengan meneliti aplikasi kritik matan dalam kedua-dua bidang ilmu. Hal ini supaya pemahaman yang lebih jelas dapat diperoleh.

## RUJUKAN

- Abū al-Layth al-Khayr Ābādī. *Ittijāhāt fī Dirāsāt al-Sunnah Qadīmuhā wa ḥadīthuhā*. Selangor: Dār Al-Shākir, 2011.
- Abū Syāmah, A. R. bin I. *Mukhtasar al-Mu'ammal fī al-Radd 'Ilā al-Amr al-Awwāl*. Kuwait: Maktabah al-Sahwah al-Islāmiyyah, 1985.
- Abū Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawāwī. *Irshād Tullab al-Haqā'iq ilā Ma'rifah Sunan Khayr al-Khalā'iq*, disemak oleh Nuruddin 'Itr. Damsyik: Dār al-Yamamah, 2002.

- Ādil al-Zuraqī. *Qawā'id Al-Ilal Wa Qarā'in Al-Tarjīh*. Riyadh: Dār al-Muhaddith li al-Nasyr wa al-Tawzī', 2004.
- Ahmad Ma'bad Abdul Karīm and Muhammad Nasr al-Labān. *'Ilal al-Hadīth bayna al-Qawā'id al-Nazariyyah wa al-Tadbīq al-Amalī*. Kaherah: Maktabah al-Īmān, 2016.
- Ajjāj al-Khatīb, Muhammad. *al-Sunnah Qabla al-Tadwīn*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 1988.
- Al-Ghawrī, S. 'A. *'Ilal al-Hadīth: Ta'rīfuhu wa Ahammiyatuhu wa Aimmatuhu wa Kutubuhu*. Selangor: Ma'had wa Dirāsāt al-Hadīth al-Sharīf bi Silanjūr, 2019.
- Ali Yasmanto and Siti Rohmaturrosyidah Ratnawati. "Studi Kritik Matan Hadis: Kajian Teoritis dan Aplikatif Untuk Menguji Kesahihan Matan Hadis." *Al-Bukhari: Jurnal Ilmu Hadis* 2, no. 2 (2019).
- Al-Nawawi, Mahyuddin al-Nawawi. *al-Minhaj Syarh Sahīh Muslim bin Hajjaj*. Beirut: Dar al-Ma'rifah, 2006.
- Al-Qārī, M. 'A. *Syarh Nukhbah al-Fikar*. Beirut: Dār al-Qalam, 2015.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din Abd al-Rahman bin Abu Bakr. *Tadrīb al-Rāwī fī Sharḥ Taqrīb al-Nawawī*, cet. ke-2. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 1979.
- Al-Vidatuz Zuhriah and Khusna Farida Shilviana. "Kritik Matan dan Urgensinya dalam Pembelajaran Hadis: Studi Hadis Puasa Daud." *Jurnal Ilmu Hadis* 3, no. 1 (2020): 9.
- Arif Yahya. "Sumbangan Ahl al-Hadith dan Peranannya dalam Membangun Ketamadunan Islam." *Journal of Hadith Studies* 2 (2016).
- Aulia Diana Devi. "Studi Kritik Matan Hadits." *Al-Dzikra* 14, no. 2 (2020).
- Bazmūl, M. U. *Khaṭūrah Naqd al-Hadīth*. Mesir: Dār al-Āthār, 2005.
- Fath al-Dīn Muhammad and Sayūṭī Abd Manās. *'Ulūm Dirāyat Matn al-Hadīth*. Gombak: IIUM Press, 2022.
- Hanān Qamārī. "Ta'ārud Qarā'in Al-Tarjih Wa Dawābit Daf'iḥā 'Inda Al-Imām Ibn Abi Hātim Min Khilāli Kitābihī Al-'Ilal." Disertasi Master, Echahid Hamma Lakhdar University, 2016.
- Hassan, M. A. M. "Naqd Matn al-Hadīth 'inda al-Muhaddithīn bayna al-Qabūl wa al-Radd." *Ibn Khaldoun Journal for Studies and Research* 2, no. 6 (2022): 75.
- Hilda Husaini Rusdi. "Metode Kritik Matan Hadis Prespektif Masrukhan Mukhsin." *Al-Shamela: Journal of Quranic and Hadith Studies* 1, no. 1 (2023).

- Ibn Fāris. *Mu'jam Maqāyīs al-Lughah*. Beirut: Dār al-Fikr, 2007.
- Ibn Kathīr, I. bin 'U. al-Bā'ith al-Hasīth ilā Ikhtisār 'Ulūm al-Hadīth. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2006.
- Ibn Manzur. *Lisān al-'Arab*. Palestin: Maktabah Palestin, 1985.
- Ibn Rejab, A. R. bin A. *Syarh 'Ilal al-Tirmizī*. Maktabah al-Manār, 1987.
- Miftahul Asror and Imam Musbikin. *Membedah Hadis Nabi*. Madiun: Pustaka Pelajar, 2015.
- Mohd Solleh Abd Razak and Roshimah Samsudin. "Tertib al-Jam' dan al-Naskh dalam Mukhtalif al-Hadīth Menurut Sharaf al-Quḍāh: Satu Analisis." *Jurnal Usuluddin* 49, no. 1 (2021): 88.
- Mubārakīh, A. M. A. *Maqāyīs Naqd al-Matn al-Hadīthī 'inda al-Syaikh al-Albānī min Khilāl Kitābihī Silsilah al-Ahādīth al-Dha'ifah wa al-Maudhū'ah*. Tesis PhD, University of Batna Algeria, 2013.
- Muhamad Ridwan Nurrohman and Engkos Kosasih. "Diskursus Kritik Matan; Pendekatan Tashih Mutun terhadap Kontroversi Riwayat Rasulullah SAW Menyalatkan Ibn Ubay." *Jurnal Studi Ilmu Hadis* (2020).
- Muhammad 'Alī Qāsim Al-'Umrī. *Dirāsāt fi Manhaj Al-Naqd 'Inda Al-Muhaddithīn*. Amman: Dār Al-Nafā'is, 2000.
- Muhammad 'Amrū Abdul Mun'im Salīm. *Syarh 'ilal al-hadīth li al-Mubtadi 'īn*. Kuwait: Dār al-Dhiyā', 2006.
- Muhammad Abdullah Hayānī. *Al-Muyassar fī Ilm 'Ilal al-Hadīth*. Arab Saudi: al-Mamlakah al'Arabiyyah al-Sa'ūdiyyah, 2015.
- Muhammad Lukman Ibrahim. "Variasimetodologi Ilmu Tarannum: Suatu Perbincangan Kritis." *Ma'alim al-Quran wa Sunnah* 17 Special Issue (2021).
- Muhammad Taufiq Firdaus and Muhammad al-Fatih Suryadilaga. "Integrasi Keilmuan dalam Kritik Matan Hadis." *Jurnal Tajdid* 18, no. 2 (2019).
- Rizkiyatul Imtyas. "Metode Kritik Sanad dan Matan." *Ushuluna: Jurnal Ilmu Ushuluddin* 4, no. 1 (2018).
- Rohaizan Baru and Fauzi Deraman. "Pendekatan al-Jam' dalam Menangani Percanggahan Hadith." *Jurnal al-Bayan* 9 (2011): 51.
- Said Aqil Husen al-Munawar. "Metode Kritik Matan Hadis Menurut Pandangan Muḥadditsin Muṭaqaddimin." *Ushuluna: Jurnal Ilmu Ushuluddin* 2, no. 1 (2016).

**مجلة الفتوى والفلكلورية بسيلانجور | Journal of Fatwa and Falak Selangor (JUFFAS)**

Vol. 1, No. 2, pp. 66-90 | December 2024

Sāmir al-Kabīsī. "Athar al-Qarā'in Fī al-Tarjīh Bi al-Jazm Bi al-Samā' al-Mubāsyir Wa al-Tahdīth Bihi Mirāran." *Majallah al-Muhaddith al-'Irāqiyah* 3, no. 1 (2021): 106.

Suryadi Suryadi. "Rekonstruksi Kritik Sanad dan Matan dalam Studi Hadis." Esensia: *Jurnal Ilmu-Ilmu Ushuluddin* 16, no. 2 (2015): 177–86. <https://doi.org/10.14421/esensia.v16i2.996>.